



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 ZULKAEDAH 1444H / 09 JUN 2023M

AIR DIHARGAI, BUKAN DIBAZIRI, DICEMARI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

**KHUTBAH TELAH DISEMAK**

TARIKH DISEMAK : 6.6.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M.

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

**KHUTBAH RASMI JHEAINS**

DILULUSKAN PADA : 7/6/2023

DIBACA PADA : 9/6/2023

DILULUSKAN OLEH : HAJAH HJ. ALWI

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

**KHUTBAH PERTAMA**  
**AIR DIHARGAI, BUKAN DIBAZIRI, DICEMARI**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً  
فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

(سورة البقرة (2): 22)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ  
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

## **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Sesungguhnya orang yang bertakwa ditempatkan dalam taman-taman syurga yang indah dekat beberapa sungai di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan yang menguasai segala-galanya, lagi yang berkuasa melakukan sekehendak-Nya. Justeru, untuk mencapai darjat takwa dan memperolehi ganjaran syurga, marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kita lakukan.

Pada kesempatan ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“AIR DIHARGAI, BUKAN DIBAZIRI, DICEMARI”**.

## **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Air kurniaan percuma Allah SWT yang amat berharga kepada sekalian makhluk-Nya di muka bumi ini. Selain ia merupakan sebahagian daripada tanda kekuasaan-Nya yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, Allah juga menjadikan air itu memiliki pelbagai tujuan dan fungsi bagi seluruh kehidupan sama ada manusia mahupun haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Hakikat ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi beberapa firman-Nya seperti berikut:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ

﴿يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الشَّمَرَاتِ﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

**Maksudnya:** "Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya. Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir."

(QS an-Nahl (16): 10-11)

Firman Allah lagi:

﴿وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبْرَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ﴾

**Maksudnya:** "Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai"

(QS Qaf (50): 9)

Berdasarkan kepada mafhum firman Allah tersebut, ternyata air menjadi pemangkin kehidupan di samping cecair yang ibarat mutiara kepada ekonomi. Apa tidaknya, kita perlukan air untuk makan minum, mandi, mencuci, berwuduk di samping menjadi elemen penting dalam pelbagai industri. Jadi, tidak menghairankan apabila ramai yang resah bila berlakunya krisis bekalan air. Lebih-lebih lagi masalah ini semakin kerap berlaku sejak kebelakangan ini sehingga menyebabkan mereka yang mendiami Kawasan bandar yang berpenduduk padat khususnya mereka yang tinggal di apartmen dan bangunan tinggi begitu terkesan dengan ujian berat berkenaan.

### **SAUDARA JEMAAH YANG MULIA!**

Mahu tidak mahu, kita terpaksa membuat pengubahsuaian terhadap rutin kehidupan masing-masing apabila dilanda krisis bekalan air. Untuk mandi dan mencuci tidak boleh lagi menggunakan air semewah dulu kerana terpaksa berjimat. Demikian juga aktiviti menyiram pokok bunga dan mencuci kereta tidak boleh lagi dilakukan selalu.

Persoalannya, kenapa krisis bekalan air berlaku sedangkan negara kita mempunyai sumber air yang banyak di samping taburan hujan sepanjang tahun?

Dari segi teknikalnya, terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan berlakunya krisis bekalan air.

**Pertama**, paras air merosot di empangan kerana musim kemarau.

**Kedua**, tekanan rendah disebabkan aktiviti penyelenggaraan loji rawatan air ekoran pencemaran.

**Ketiga**, keadaan infrastruktur air yang usang.

Namun harus diakui, terjadinya krisis bekalan air mutakhir ini ada kaitannya dengan tabiat dan kecuaiian manusia sendiri. Salah satu tabiat berkenaan ialah perbuatan membazir air. Contoh jelas dalam hubungan ini ialah perbuatan membiarkan air mengalir sepanjang masa sewaktu mencuci sama ada pakaian mahupun mencuci pinggan mangkuk. Demikian juga batang paip pecah yang lewat diselenggara oleh pihak berkuasa air juga menyebabkan berlakunya pembaziran.

Manakala satu lagi tabiat buruk manusia yang menjejaskan bekalan air ialah perbuatan mencemari sumber bekalan air seperti sungai. Pencemaran terjadi apabila sisa kilang dan sampah-sarap dibuang ke dalam sungai. Pencemaran juga berlaku akibat aktiviti pembalakan dan pertanian kawasan tadahan air yang tidak terkawal sehingga tercetusnya musibah banjir lumpur.

### **HADIRIN MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Perbuatan membazirkan air dan mencemari sumber bekalan air boleh disifatkan sebagai tidak menghargai nikmat air kurniaan Allah SWT. Padahal, setiap nikmat pemberian oleh Yang Maha Berkuasa wajib kita syukuri dengan mememanfaatkannya sebaik mungkin selaras dengan tujuan dan fungsi penciptaannya. Ini termasuklah nikmat air sebagaimana firman Allah:

أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ ءَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ

﴿٦٩﴾ لَوْ نَشَاءُ جَعَلْنَاهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

**Maksudnya:** “Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan dia masin, maka ada baiknya kalau kamu bersyukur.”

(QS al-Waqi'ah (56): 68-70)

Adalah dikhuatiri sikap kita yang kurang menghargai air dengan melakukan pembaziran dan pencemaran boleh mengundang murka Allah yang menganugerahkan nikmat yang sangat menakjubkan itu. Jadikanlah banjir yang kerap berlaku sejak akhir-akhir ini sebagai peringatan dan pengajaran bahawa bencana itu merupakan antara kesan akibat sikap manusia yang kufur nikmat sehingga gagal mengurus pembangunan secara mapan dan holistik. Dengan kata lain, berlakunya krisis bekalan air dan bencana banjir kilat berkait rapat dengan sikap serta aktiviti manusia sendiri sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

**Maksudnya:** *“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu”*

**(QS asy-Syura (42): 30).**

### **PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!**

Sempena sambutan Hari Air sedunia pada 22 Mac beberapa tahun lalu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerbitkan satu laporan yang menegaskan bahawa peningkatan mendadak penduduk dan ekonomi negara-negara membangun memberikan tekanan berganda untuk keperluan air dan tenaga pada dekad-dekad mendatang. Antara lain laporan itu merumuskan:

**Pertama,** Permintaan air global meningkat sebanyak 55 peratus menjelang tahun 2050.

**Kedua,** Lebih 40 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan-kawasan yang mengalami stres teruk kerana isu air khususnya di Afrika Utara dan Asia Barat sehingga ke barat Asia Selatan.

**Ketiga,** Asia akan berhadapan dengan pertelagahan mengenai sumber air, di kawasan sumber air merentangi sempadan nasional.

**Keempat,** Antara kawasan yang akan berdepan dengan konflik berkaitan air ialah Laut Aral (sumber air di Asia Tengah), Sungai



Ganges-Brahmaputra (Bangladesh-India), Sungai Indus (China-Pakistan-India) dan lembangan Sungai Mekong (China-Myanmar-Thailand-Laos-Kemboja dan Vietnam).

**Kelima,** Terdapat hampir 800 juta manusia di seluruh dunia tidak memperoleh akses kepada air bersih manakala kira-kira 2.5 bilion orang tidak mendapat tandas bersih.

Dengan hal yang demikian, adalah jelas bahawa air menjadi satu komoditi yang begitu berharga sekarang. Sebagai contoh, harga air mineral berkualiti yang dijual di kedai-kedai runcit kini lebih kurang RM2.00 seliter. Ia hamper sama dengan harga minyak petrol RON95 yang dijual di stesen-stesen minyak pada harga RM2.05 seliter. Berdasarkan trend itu yang menjadi unjuran sejagat, suatu hari nanti tidak mustahil harga air akan menjadi lebih mahal daripada harga minyak petrol.

Sehubungan itu saudara sekalian, ternyata air merupakan sesuatu yang tidak boleh lagi kita pandang mudah. Ia tidak boleh kita baziri dan cemari. Sebaliknya, nikmat air harus kita hargai dan syukuri dengan mengamalkan penggunaan air secara berhemah dan menguruskan sumber bekalan air secara mampan dan lestari agar terus dilimpahi pelbagai nikmat sekali gus terhindar daripada azab Allah SWT sejajar firman-Nya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

(QS Ibrahim (14):7)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ.

## تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيِّسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan  
serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan  
sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah  
mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,  
mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai.  
Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon  
pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan  
cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com